Sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab, tidak seharusnya melepaskan emosi kita terhadap anak kerana ia hanya akan memberi impak negatif terhadap pembentukan minda dan menjadikan mereka kurang keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunia sekeliling.

Hubungan yang kukuh antara ibu bapa dan anak dapat menyediakan asas kukuh untuk membimbing mereka sepanjang perjalanan hidup. Komunikasi terbuka, empati dan pemahaman adalah penting untuk membina hubungan yang mendalam dan bermakna dengan anak kita. Malah ia membolehkan kita lebih memahami keperluan, kehendak dan kebimbangan mereka selain membantu anak berasa, dihargai disayangi dan tidak berasa keseorangan.

Secara keseluruhan, adalah penting untuk diingatkan bahawa kelemahan tidak selalunya menggambarkan ketidakupayaan seseorang itu. Selalunya, di sebalik kelemahan terletak kekuatan yang luar biasa.

Ringkasnya, menerima perbezaan dengan kasih sayang tanpa syarat untuk anak istimewa adalah perjalanan yang penuh dengan ganjaran, cabaran dan dugaan. Namun, berbekal kasih sayang dan sokongan tanpa syarat kita boleh membantu anak ini untuk mencapai potensi penuh mereka dan membantu mewujudkan dunia yang lebih inklusif, empati dan menghormati kepelbagaian.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REMAN 13 REMAJA LELAKI DISAMBUNG HINGGA 4 APRIL | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 30 MAC 2024 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Pelajar kolej vokasional maut dibuli

# Reman 13 remaja lelaki disambung hingga 4 April

**Lahad Datu:** Mahkamah Majistret di sini semalam membenarkan tempoh tahanan reman 13 remaja lelaki disambung hingga 4 April ini bagi membantu siasatan kes kematian seorang pelajar lelaki kolej vokasional daerah ini minggu lalu.

Majistret Nur Asyraf Zolhani membenarkan permohonan pegawai penyiasat kes Asisten Superitendan Suddin Tjinke agar tempoh reman dilanjutkan bagi membolehkan siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan diteruskan terhadap semua pelajar berusia 16 hingga 19 tahun itu.

Mereka ditahan pada 22 Mac lalu selepas Mohammad Nazmie Aizzat Mohd Narul Azwan, 17, ditemukan meninggal dunia dalam keadaan terbaring dengan kesan kecederaan serta lebam pada beberapa bahagian badan di atas lantai bilik asrama di kolej vokasional di sini.

Semua remaja itu kemudiannya ditahan reman enam hari bermula 23 Mac.

Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dr Rohan Shah Ahmad dilaporkan berkata siasatan polis mendapati isu kehilangan wang dua pelajar, masing-masing berjumlah RM50 dan RM35, menjadi punca perselisihan faham sehingga mengakibatkan kematian mangsa yang dituduh mencuri.

BERNAMA

# Kematian pelajar Kolej Vokasional Lahad Datu: Reman 13 remaja lelaki disambung

BERNAMA - Mac 29, 2024 @ 3:26pm




Foto hiasan

LAHAD DATU: Mahkamah Majistret di sini hari ini membenarkan tempoh tahanan reman 13 remaja lelaki bagi membantu siasatan kes kematian seorang pelajar lelaki kolej vokasional disambung hingga 4 April ini.

Majistret Nur Asyraf Zolhani membenarkan permohonan pegawai penyiasat kes, Asisten Superintendan Suddin Tjinke agar tempoh reman dilanjutkan bagi membolehkan siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan diteruskan terhadap kesemua pelajar berusia 16 hingga 19 tahun itu.

Mereka ditahan pada 22 Mac lalu selepas Mohammad Nazmie Aizzat Mohd Narul Azwan, 17, ditemukan meninggal dunia dalam keadaan terbaring dengan kesan kecederaan serta lebam pada beberapa bahagian badan di atas lantai bilik asrama di kolej vokasional di sini.

Kesemua remaja itu kemudiannya ditahan reman enam hari bermula 23 Mac.

Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dr Rohan Shah Ahmad dilaporkan berkata siasatan polis mendapati isu kehilangan wang dua pelajar, masing-masing berjumlah RM50 dan RM35, menjadi punca perselisihan faham sehingga mengakibatkan kematian mangsa yang dituduh mencuri. – BERNAMA

# Guru wanita cabul pelajar direhatkan - Fadhlina

Bernama
Mac 29, 2024 21:05 MYT



*Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata guru wanita itu, perlu mematuhi sepenuhnya proses siasatan kes itu yang dijalankan oleh pihak polis terlebih dahulu dan kemudiannya Kementerian Pendidikan (KPM). - Gambar fail/BERNAMA*

**NIBONG TEBAL:** Guru wanita yang didakwa mencabul seorang pelajar lelaki dalam kes tular baru-baru ini, direhatkan sehingga siasatan kes itu selesai.

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata guru wanita itu, perlu mematuhi sepenuhnya proses siasatan kes itu yang dijalankan oleh pihak polis terlebih dahulu dan kemudiannya Kementerian Pendidikan (KPM).

"Ketika ini kami (KPM) mengambil pendekatan untuk melindungi anak-anak kita sepenuhnya, jadi guru itu tidak ada langsung kaitan atau pun akses kepada para pelajar, dia direhatkan sehingga siasatan selesai.

"Dia kena mematuhi sepenuhnya proses siasatan terlebih dahulu, jadi buat masa sekarang ini siasatan polis dan dakwaan, barulah kita boleh ambil tindakan di peringkat KPM," katanya kepada pemberita selepas Majlis Buka Puasa bersama Ahli Parlimen Nibong Tebal di Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, di sini malam ini.

Pada majlis itu, Fadhlina yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal turut menyampaikan sumbangan kepada 21 buah masjid dan 56 buah surau, membabitkan peruntukkan RM140,000.

Media sebelum ini melaporkan, KPM akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap guru wanita yang didakwa menjalin hubungan dengan pelajarnya yang berusia 17 tahun, selepas siasatan polis selesai.

Terdahulu Ketua Polis Daerah Sepang ACP Wan Kamarul Azran Wan Yusof dilaporkan berkata pihaknya telah merakam keterangan guru wanita berusia 37 tahun itu.

Ibu mangsa membuat laporan polis pada 12 Dis lepas, mendakwa suspek mencabul anaknya ketika mengulang kaji pelajaran di perpustakaan.

# Hukuman wanita simbah anak dengan air panas diringankan

Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my




IBU lima anak bersyukur rayuannya dibenarkan Mahkamah Tinggi. FOTO Meor Riduwan Meor Ahmad.

Melaka: Seorang wanita yang sebelum ini dihukum tiga tahun penjara atas kesalahan menyimbah anak lelakinya dengan air panas bernasib baik apabila hukumannya dikurangkan kepada penjara selama tempoh dijalaninya ketika ini oleh Mahkamah Tinggi Ayer Keroh, hari ini.

Hakim Datuk Anselm Charles Fernandis membuat keputusan itu selepas membenarkan rayuan perayu untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Sesyen Ayer Keroh pada 31 Januari lalu yang mensabitkan hukuman tiga tahun penjara atas pertuduhan itu.

Beliau berpuas hati dengan alasan perayu bahawa itu kesalahan pertamanya yang juga perlu menjaga bayi berusia lapan bulan selain kejadian itu terpencil dan tiada rekod anak-anak lain turut didera.

."..dengan ini saya membuat perintah tertuduh dipenjarakan pada tempoh masa yang mana beliau akan dibebaskan pada hari ini," katanya.

Perayu yang diwakili peguam Samry Masri, Mohd Wafiyuddin Al-Awal dan Khairunnisa Zamhari memfailkan rayuan pada 13 Februari lalu kerana tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah Sesyen itu.

Dalam rayuannya ibu kepada lima anak itu juga menyatakan dia menghidap penyakit psikiatri serta mempunyai seorang anak autisme.

Sementara itu, Samry berkata, keputusan itu menyaksikan anak guamnya hanya menjalani hukuman penjara selama enam bulan dan tiga hari di Kompleks Penjara Melaka, Sungai Udang.

"Anak guam akan dibebaskan hari ini selepas mahkamah bersetuju mengurangkan hukuman penjara tiga tahun kepada selama mana dia sudah menjalani hukuman.

"Hari ini dia boleh kembali ke pangkuan keluarga terutama anaknya yang berusia lapan bulan.

"Dia bersyukur dan insaf atas apa yang berlaku apatah lagi kes ini terpencil dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi," katanya ketika ditemui pemberita.

Sementara itu, perayu berkata, dia tidak menyangka rayuannya akan dibenarkan dan amat bersyukur.

."..Saya tidak berharap tapi hari-hari doa di dalam penjara minta Allah permudahkan segala urusan (rayuan).

"(Rasa) bersyukur sangat, Allah bagi peluang lihat dunia luar lagi dan dapat jaga anak-anak yang masih kecil. Rasa macam bulan jatuh depan mata saya.

."..saya tetap sayang dan maafkan anak, dia tetap anak saya dan darah daging saya sampai bila-bila," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Nazrin Ali Rahim mewakili pihak responden.

Perayu sebelum ini didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah ke atas anak lelakinya yang ketika kejadian berusia 13 tahun dengan cara menyimbah air panas ke arah mangsa di sebuah rumah di taman perumahan kakitangan kerajaan di Sungai Udang, pada 27 Jun 2022 jam 2.56 pagi.

Pertuduhan adalah mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebat, jika sabit kesalahan.

**Disiarkan pada: Mac 29, 2024 @ 5:31pm**

# Bukan culik, tetapi hanya membantu kanak-kanak naik eskalator



Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS 29 Mac 2024, 2:20 pm

SHAH ALAM: Tidak berlakunya kes culik membabitkan seorang kanak-kanak perempuan yang berumur setahun tujuh bulan di pusat membeli-belah di Klang Sentral, Klang seperti yang tular dalam media sosial, pada Selasa lalu.

Jelas Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, siasatan pihaknya mendapati dua lelaki warga Nepal berkenaan, yang pada awalnya didakwa sebagai penculik cuba membantu kanak-kanak berkenaan untuk menaiki eskalator pusat tersebut yang rosak semasa hari kejadian.

"Saya sendiri telah melihat rakaman dua kamera litar tertutup (CCTV) pusat berkenaan. Berdasarkan rakaman serta keterangan daripada dua lelaki itu, mereka cuba membantu kanak-kanak tersebut dengan mengangkat mereka ke eskalator berkenaan.

"Kemudiannya, mereka menyerahkan kanak-kanak itu kepada ibu kanak-kanak berkenaan setelah wanita itu perbuatan mereka. Mungkin disebabkan panik, wanita terbabit menjerit kerana mengandaikan anaknya akan diculik," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor, di sini, hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan kejadian pada pukul 7.30 petang itu berlaku apabila dua lelaki warga asing didakwa cuba melarikan kanak-kanak terbabit.

Melihat kejadian itu, ibu mangsa telah menjerit serta menarik semula mangsa daripada suspek.

Dalam pada itu, Hussein berkata, dua lelaki tersebut juga tidak melakukan apa-apa persiapan untuk melakukan penculikan.

Sementara itu, ketika mengulas mengenai kes penemuan wang berjumlah RM500,000 dalam sebuah bagasi di sebuah pusat membeli-belah di Damansara pada minggu lalu, Hussein berkata, individu yang mendakwa bahawa wang tersebut adalah milik syarikatnya akan berjumpa dengan pihak polis pada esok hari (Sabtu).

Menurutnya, polis akan merakam keterangan serta melihat bukti yang bakal dikemukan oleh lelaki berkenaan, bagi membuktikan wang tersebut adalah milik syarikatnya. – **UTUSAN**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGUSAHA TASKA ABAI BUDAK DIDENDA RM15,000 | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 30 MAC 2024 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pengusaha TASKA abai budak didenda RM15,000

**Ayer Keroh:** Seorang pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengabaikan seorang kanak-kanak lelaki sehingga mengalami kecederaan fizikal pada Januari lalu.

Hakim Azaraorni Abd Rahman menjatuhkan hukuman itu selepas menerima pengakuan dan mensabitkan tertuduh, Nooraslindah Mohd Lassim,45, seperti pertuduhan.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan seorang kanak-kanak lelaki iaitu Muhammad Adam Zhaffran Mohd Shafiq berusia enam tahun, didapati mendedahkannya sehingga mengalami kecederaan fizikal ketika dalam jagaannya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di TASKA Bonda Seri Mutiara di Taman Noorbar, Bukit Serindit, dekat sini, pada 28 Januari lalu, kira-kira 2.07 petang.

Jika disabitkan kesalahan tertuduh boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom memohon hukuman berat berbentuk penjara dikenakan dan menghujahkan tertuduh memandang ringan aspek keselamatan dan kebajikan kanak-kanak yang tidak berdaya dan memerlukan penjagaan rapi.

"Pihak pendakwaan memohon hukuman penjara dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh yang mengabaikan mangsa sedangkan dia diamanahkan untuk menjaganya," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGUSAHA TASKA MENGAKU SALAH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 MAC 2024 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# PENGUSAHA TASKA MENGAKU SALAH

## Didenda RM15,000 abai anak asuhan sehingga cedera

**Oleh Meor Riduwan**
Meor@hmetro.com.my

**Melaka**

Pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam, selepas mengaku bersalah mengabaikan seorang kanak-kanak lelaki sehingga mengalami kecederaan fizikal Januari lalu.

Hakim Azaraorni Abd Rahman menjatuhkan hukuman itu selepas menerima pengakuan dan mensabitkan tertuduh, Nooraslindah Mohd Lassim, 45.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh sebagai individu yang menjaga kanak-kanak lelaki, Muhammad Adam Zhaffran Mohd Shafiq berusia enam tahun, didapati mendedahkannya sehingga mengalami kecederaan fizikal semasa dalam jagaannya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Taska Bonda Seri Mutiara di Taman Noorbar, Bukit Serindit, di sini, pada 28 Januari lalu.

Jika disabitkan kesalahan tertuduh boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom memohon hukuman berat berbentuk penjara dikenakan dan menghujahkan tertuduh memandang ringan aspek keselamatan dan kebajikan kanak-kanak yang tidak berdaya dan memerlukan penjagaan rapi.

"...pihak pendakwaan memohon hukuman penjara dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh yang mengabaikan mangsa sedangkan dia diamanahkan untuk menjaganya," katanya.

> "Saya usahakan taska membantu menampung perbelanjaan harian keluarga"
> Nooraslindah

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu denda minimum dengan alasan tidak berniat mencederakan kanak-kanak terbabit dan membuka taska untuk membantu ibu bapa yang bekerja shif dalam penjagaan anak.

"Selain itu saya juga mengusahakan taska bagi membantu menampung perbelanjaan harian keluarga kerana pendapatan suami yang bekerja sebagai pemandu lori tidak mencukupi," katanya.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM15,000 atau lapan bulan penjara jika gagal membayar denda.

Selain itu, tertuduh turut dikenakan bon berkelakuan baik untuk tempoh dua tahun dengan cagaran RM2,000 berserta dua penjamin mengikut Seksyen 31(2)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001) dan perintah melaksanakan khidmat masyarakat selama 120 jam dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah mengikut Seksyen 31(3A) akta sama.



NOORASLINDAH diiringi polis selepas dikenakan hukuman denda atas kesalahan mengabaikan kanak-kanak di taskanya hingga cedera.

# Pengusaha taska didenda RM15,000, abai kanak-kanak hingga cedera

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - Mac 29, 2024 @ 4:40pm
bhnews@bh.com.my



Nooraslindah Mohd Lassim diiringi polis di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh hari ini selepas dikenakan hukuman denda atas kesalahan mengabaikan kanak-kanak di TASKA hingga cedera. - Foto NSTP/Meor Riduwan Meor Ahmad.

AYER KEROH: Seorang pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas mengaku bersalah mengabaikan seorang kanak-kanak lelaki sehingga mengalami kecederaan fizikal pada Januari lalu.

Hakim Azaraorni Abd Rahman menjatuhkan hukuman itu selepas menerima pengakuan dan mensabitkan tertuduh, Nooraslindah Mohd Lassim,45, seperti pertuduhan.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan seorang kanak-kanak lelaki iaitu Muhammad Adam Zhaffran Mohd Shafiq berusia enam tahun, didapati mendedahkannya sehingga mengalami kecederaan fizikal ketika dalam jagaannya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Taska Bonda Seri Mutiara di Taman Noorbar, Bukit Serindit, dekat sini, pada 28 Januari lalu, kira-kira 2.07 petang.

Jika disabitkan kesalahan tertuduh boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom memohon hukuman berat berbentuk penjara dikenakan dan menghujahkan tertuduh memandang ringan aspek keselamatan dan kebajikan kanak-kanak yang tidak berdaya dan memerlukan penjagaan rapi.

."..pihak pendakwaan memohon hukuman penjara dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh yang mengabaikan mangsa sedangkan dia diamanahkan untuk menjaganya," katanya.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu denda minimum dengan alasan tidak berniat mencederakan kanak-kanak terbabit dan membuka TASKA untuk membantu ibu bapa yang bekerja shif dalam penjagaan anak.

"Selain itu, saya juga mengusahakan TASKA bagi membantu menampung perbelanjaan harian keluarga kerana pendapatan suami yang bekerja sebagai pemandu lori tidak mencukupi," katanya.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM15,000 atau lapan bulan penjara jika gagal bayar kepada tertuduh.

Selain itu, tertuduh turut dikenakan bon berkelakuan baik untuk tempoh dua tahun dengan cagaran RM2,000 berserta dua penjamin mengikut Seksyen 31(2)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001) dan perintah melaksanakan khidmat masyarakat selama 120 jam dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah mengikut Seksyen 31(3A) akta sama.

# Ibu didakwa aniaya anak lelaki hingga cedera

Bernama
Mac 29, 2024 14:30 MYT



*Hakim membenarkan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan yang dipohon pendakwaan dan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah. - Gambar hiasan*

**KUALA LUMPUR:** Seorang ibu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan menganiaya anak lelakinya berusia sembilan tahun.

Peniaga makanan berusia 33 tahun itu didakwa sebagai ibu kepada mangsa telah dengan sengaja menganiaya kanak-kanak itu sehingga menyebabkan kecederaan fizikal di sebuah unit kondominium di Wangsa Maju di sini antara 9 malam hingga 9.30 malam pada 9 Nov 2022.

Pertuduhan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Siti Nursyuhada Abd Rauf menawarkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri sebulan sekali di balai polis berhampiran serta dilarang mengganggu saksi-saksi pendakwaan.

Peguam Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid yang mewakili tertuduh memohon jaminan dikurangkan kepada RM5,000 dengan alasan anak guamnya sedang hamil dua bulan dan memberikan kerjasama baik sepanjang siasatan polis.

"Pihak pembelaan tidak membantah syarat tambahan yang dipohon pendakwaan dan anak guam juga akan menyerahkan pasportnya kepada mahkamah," kata peguam itu.

Hakim Datuk Nu'aman Mahmud Zuhudi membenarkan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan yang dipohon pendakwaan dan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan 2 Mei ini untuk sebutan kes.

# Lelaki cabul anak saudara kena 10 tahun, dua sebatan

Published on: Friday, March 29, 2024
By: Cynthia D Baga



*Kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebat, jika sabit kesalahan.*

**KOTA KINABALU:** Seorang lelaki berusia 26 tahun dihukum penjara sejumlah 10 tahun serta dua sebatan kerana melakukan gangguan seksual fizikal terhadap dua anak saudaranya, secara berasingan.

Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus menjatuhkan hukuman itu ke atas lelaki itu selepas dia mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan terhadapnya.

Pada pertuduhan pertama, dia dipenjara empat tahun dan diperintah untuk dikenakan satu sebatan rotan kerana melakukan kesalahan itu terhadap perempuan berusia 14 tahun itu dengan memegang payudara serta memegang alat sulitnya pada jam 4 pagi, 23 Februari tahun ini di ruang tamu sebuah rumah di Pitas.

Pada pertuduhan kedua, lelaki itu dijatuhi hukuman penjara enam tahun lagi serta satu sebatan rotan kerana melakukan kesalahan serupa terhadap seorang lagi anak saudara perempuan berusia 14 tahun, pada jam 4 pagi pada 25 Februari tahun ini di tempat sama.

Kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebat, jika sabit kesalahan.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara itu dijalankan serentak dari tarikh dia ditangkap dan menjalani kaunseling pemulihan semasa menjalani hukuman itu.

Selepas selesai menjalani hukuman penjara, lelaki itu diletakkan di bawah pengawasan polis selama tiga tahun.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Tham Pou Jin manakala lelaki itu tidak diwakili.

# Askar didakwa rogol gadis bawah umur

Published on: Friday, March 29, 2024
By: Cynthia D Baga



*Dia dituduh merogol gadis berusia 18 tahun dan satu bulan itu antara Mac dan April 2023 di sebuah rumah di Kg Pasir Putih,*

**KOTA KINABALU:** Seorang askar berusia 23 tahun dari Kedah didakwa merogol seorang gadis bawah umur.

Muhammad Irfan Abd Jali mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus, terhadap pertuduhan ke atasnya pada Khamis.

Dia dituduh merogol gadis berusia 18 tahun dan satu bulan itu antara Mac dan April 2023 di sebuah rumah di Kg Pasir Putih, Putatan.

Kesalahan di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan itu membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 3 Mei depan untuk sebutan dan membebaskan Muhammad dengan ikat jamin RM15,000 dengan RM5,000 deposit dan dua penjamin tempatan, seorang daripadanya sepatutnya seorang pegawai kem Lokawi.

Dia juga diperintahkan melaporkan diri di balai polis di sini dua kali sebulan serta pasportnya, jika ada, disimpan oleh mahkamah sehingga kesnya selesai.

Timbalan Pendakwa Raya Tham Pou Jin tampil untuk pendakwaan manakala Muhammad tidak diwakili.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | EMPAT NAFI NODA DUA REMAJA PEREMPUAN | | |
| HARI : | SABTU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 30 MAC 2024 | M/SURAT : | 18 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Empat nafi noda dua remaja perempuan

**Ipoh:** Empat lelaki termasuk penuntut universiti dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja perempuan, November lalu.

Norarisman Salleh, 27; Muhammad Fariq Fadzilan, 30, dan Muhamad Ikqwanniezam Abdullah, 24, yang dituduh merogol mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Norita Mohd Ardani.

Sementara Muhammad Alif Muhammad Zamhari, 23, yang juga penuntut universiti mengaku tidak bersalah atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal.

Mengikut pertuduhan, Norarisman, Muhammad Fariq dan Muhamad Ikqwanniezam didakwa merogol seorang remaja perempuan berusia 14 tahun di sebuah bilik sewa di Jalan Besar, Kampung Baru Mambang Di Awan, Kampar antara jam 3.30 petang hingga 10.30 malam, awal November 2023.

Mereka yang bekerja kilang dan pengawal keselamatan serta seorang lagi penganggur didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan, yang sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Muhammad Alif pula didakwa mengikut Seksyen 14 (c) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 kerana melakukan amang seksual fizikal bersama Norarisman terhadap dua remaja berusia 14 dan 15 tahun di lokasi dan tarikh sama dengan kejadian rogol.



TIGA lelaki dibawa ke mahkamah atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja perempuan, November lalu. - Gambar NSTP/L.MANIMARAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TRIO ON TRIAL FOR GANG-RAPING MINOR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 30 MAC 2024 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



# Trio on trial for gang-raping minor

## Fourth man also charged with outraging modesty of the victim

**IPOH:** A group of friends, including a university student, have claimed trial to separate charges for raping and outraging the modesty of two minors in a house at Kampung Baru Mambang Diawan in Kampar.

Factory worker Norarisman Salleh, 27, security guard Muhamad Ikqwanniezam Abdullah, 24, and unemployed Muhammad Fariq Fadzilan, 30, pleaded not guilty at the Sessions Court here.

All three were accused of raping a 14-year-old girl in a room of a rented house in Kampung Baru Mambang Diawan one day in early November last year between 3.30pm and 10.30pm.

Norarisman was also charged under Section 14(c) of the Sexual Offences Against Children Act for outraging the modesty of a 15-year-old girl at the same location and time.

Business administration undergraduate Muhammad Alif Muhammad Zamhari, 23, was charged with outraging the modesty of the 14-year-old victim at the same location and time.

If convicted, all the accused could be jailed up to 20 years and whipped.

When requesting lower bail, lawyer V. Santhiran, who represented Norarisman, said it was his client's first offence.

Santhiran said his client, from Temoh, had cooperated with the police during the investigation and was taking care of his parents.

Sessions judge Norita Mohd Ardani set bail at RM5,000 with one surety for each charge and May 8 for mention.

Muhammad Alif's lawyer, Muhamad Syahrul Nizam Mohd Rabi, also said his client had cooperated with the police throughout the police investigation.

"He also did not disturb the victim and wants to clear his name in court for his future.

Bail was set at RM5,000 with one surety and May 10 for mention.

Muhamad Ikqwanniezam and Muhammad Fariq, represented by lawyers Manal Hayati Mohd Ariff and Syamil Haidhar Abdul Jalik Alwi, respectively, were each allowed bail at RM5,000 with one surety.

Their case mention has been set for May 8.

All the accused were also ordered by Judge Norita to not disturb the victims until their cases are completed.

Deputy public prosecutor Qurratu'aini Khalifah prosecuted.

In a separate case before the same judge, a jobless man pleaded guilty to raping and molesting his 19-year-old daughter at a house in Kampung Seri Rahmat in Batu Gajah.

The 38-year-old admitted to raping his daughter at the said house one night in February between 10pm and midnight and using criminal force to outrage the modesty of the girl on March 20 at about 8.30am.

Under the law, he faces up to 30 years in jail and a whipping for committing incest.

For molesting, which comes under Section 354 of the Penal Code, he faces up to 10 years in jail, a fine, whipping, or any of the two punishments.

Judge Norita set April 17 for sentencing.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | UM TO LOOK INTO CLAIMS OF SEXUAL HARASSMENT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 30 MAC 2024 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |


# UM to look into claims of sexual harassment

By JAAYNE JEEVITA
jaayne@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Universiti Malaya (UM) will be transparent and accountable in addressing sexual harassment concerns among its students, assures its deputy vice-chancellor (student affairs) Prof Dr Sabri Musa.

In an immediate response to a survey showing that 22.5% of its students had experienced some form of sexual harassment during their campus life, he said it will engage in dialogue with Universiti Malaya Feminism Club (UMFC) to gain further insight into the survey methods utilised to evaluate its validity.

"As an institution deeply committed to the safety and well-being of all members of our community, UM takes allegations of sexual harassment extremely seriously," he said in a statement.

He said UM is committed to openly and constructively engaging with student groups to understand their concerns and collaboratively address them.

"We encourage anyone who has experienced or witnessed any form of harassment to come forward and report it.

"We thank the students for their advocacy and assure them that their voices will be heard and respected as we work collaboratively towards a safer and more inclusive campus community," his statement read.

UM acting executive director Rozaini Rahim said its Integrity Unit will discuss the next steps after receiving a memorandum from UMFC yesterday, proposing the creation of an Anti-Sexual Misconduct Committee (ASMC) within the Universiti Malaya Student Union (UMSU).

The memorandum, titled "Demanding Safer Campus", also suggests revising current anti-sexual harassment (ASH) guidelines and promoting gender awareness among UM students and staff.

"The memorandum will be sent to the Integrity Unit for further review and ... action.



**Action needed:** Chen (right) handing the memorandum to Rozaini. — LOW BOON TAT/The Star

"We will then recall the UMFC president to inform her of any latest developments," he told the media.

Recent survey findings conducted by UMFC found that 22.5% of its students – both male and female – had experienced some form of sexual harassment during their university life, with 88.9% of them choosing not to report their experiences.

Even more alarming is the revelation that only 11.1% of these victims took action.

This, said UMFC president Chen Jes Weng, 23, is attributed to their lack of awareness about the university's ASH protocols and the subsequent course of action.

# Pelajar universiti antara empat didakwa amang seksual, rogol remaja

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my




Ipoh: Empat lelaki termasuk seorang pelajar universiti dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas tuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja perempuan, November lalu.

Tiga daripada mereka yang dituduh merogol iaitu Norarisman Salleh, 27, Muhammad Fariq Fadzilan, 30, dan Muhamad Ikqwanniezam Abdullah, 24, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Norita Mohd Ardani.

Pelajar universiti, Muhammad Alif Muhammad Zamhari, 23, juga mengaku tidak bersalah atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal.

Mengikut pertuduhan, Norarisman, Muhammad Fariq dan Muhamad Ikqwanniezam didakwa merogol seorang remaja perempuan berusia 14 tahun di sebuah bilik sewa di Jalan Besar Kampung Baru Mambang Di Awan, dalam daerah Kampar antara jam 3.30 petang hingga 10.30 malam, awal November tahun lalu.

Pertuduhan terhadap tiga lelaki yang masing-masing pekerja kilang, penganggur dan pengawal keselamatan itu dikemukakan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Berdasarkan pertuduhan ke atas Muhammad Alif pula, pelajar universiti tempatan itu bersama Norarisman didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja perempuan berusia 14 dan 15 tahun, dengan kedua-dua mereka didakwa melakukan perbuatan itu di lokasi, masa dan tarikh yang sama sebagaimana kejadian rogol.

Bagi kesalahan itu, Muhammad Alif dan Norarisman didakwa mengikut Seksyen 14 (c) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Qurratu'aini Khalifah dengan beliau tidak menawarkan jaminan terhadap kesemua tertuduh yang diwakili peguam masing-masing.

Semua tertuduh yang diwakili peguam bagaimanapun memohon agar jaminan diberikan dengan jumlah minimum.

Norarisman diwakili peguam, V Santhiran manakala Muhammad Alif diwakili Syahrul Nizam Mohd Rabi, Muhammad Fariq (Syamil Haidhar Abdul Jalil Alwi) dan Muhamad Ikqwanniezam (Manal Hayati Mohd Ariff).

Mahkamah kemudiannya membenarkan semua tertuduh diikat jamin RM5,000 seorang dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan berserta syarat tambahan tidak dibenarkan mengganggu mangsa dan pengadu sehingga kes selesai.

Norita menetapkan 8 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula untuk serahan dokumen kes membabitkan Norarisman, Muhammad Fariq dan Muhamad Ikqwanniezam manakala tarikh 10 Mei bagi kes Muhammad Alif.

**Disiarkan pada: Mac 29, 2024 @ 2:40pm**



NORARISMAN, Muhammad Fariq dan Muhamad Ikqwanniezam didakwa atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja perempuan, November lalu. FOTO L Manimaran

TAJUK : PENGANGGUR MENGAKU CABUL ANAK PEREMPUAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| HARI : | SABTU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 30 MAC 2024 | M/SURAT : | 18 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Penganggur mengaku cabul anak perempuan

**Ipoh:** Penganggur mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan merogol dan mencabul kehormatan anak perempuannya berusia 19 tahun, bulan lalu.

Tertuduh berusia 38 tahun membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Norita Mohd Ardani yang kemudian menetapkan 17 April depan untuk sebutan fakta kes dan menjatuhkan hukuman.

Bapa enam anak itu didakwa merogol anak perempuannya di rumah di Batu Gajah, antara jam 10 hingga 12 tengah malam, Februari lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dipenjara minimum lapan tahun dan maksimum 30 tahun dan sebat tidak lebih 10 sebatan.

Bagi pertuduhan menggunakan kekerasan dengan niat mencabul mangsa di lokasi sama pada jam 8.30 pagi, 20 Mac lalu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan, yang memperuntuk hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana daripada dua hukuman itu, jika disabitkan.

# Bapa mengaku rogol, cabul anak kandung




LELAKI berusia 38 tahun yang didakwa di Mahkamah Sesyen Ipoh hari ini. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Oleh ASLIZA MUSA 29 Mac 2024, 2:40 pm

IPOH: Seorang penganggur mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan merogol dan mencabul kehormatan anak perempuannya yang berusia 19 tahun.

Tertuduh berusia 38 tahun itu membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Norita Mohd. Ardani.

Mengikut kertas pertuduhan, bapa kepada enam anak itu didakwa merogol anak kandungnya di mana perhubungan itu tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat dan kebiasaan yang terpakai untuk berkahwin.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh di sebuah rumah di Kampung Seri Rahmat, Batu Gajah pada pukul 10 hingga 12 malam, Februari lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara minimum lapan tahun dan maksimum 30 tahun serta tidak lebih 10 sebatan jika disabitkan kesalahan.

Tertuduh turut didakwa bagi pertuduhan menggunakan kekerasan jenayah dengan niat mencabul kehormatan mangsa di lokasi sama pada pukul 8.30 pagi, 20 Mac 2024.

Pendakwaan terhadap lelaki itu dikemukakan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana daripada dua hukuman itu.

Pendakwaan dikendalikan, Timbalan Pendakwa Raya, Qurratu'aini Khalifah manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan tarikh lain pada 17 April depan untuk hukuman dan fakta kes. – UTUSAN